

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 FEBRUARI 2024
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 9

'Kerangka 3P perlukan perhatian khusus'

'Kerangka 3P perlukan perhatian khusus'

Bantu tingkat pembangunan ekonomi bumiputera

Oleh AISYAH BASARUDDIN
BANGI

Kerangka 3P iaitu penyertaan, pemilikan dan penguasaan perlu dilaksana serta diberikan perhatian khusus kerana ia amat penting dalam meningkatkan pembangunan ekonomi bumiputera.

Pengarah Institut Pembangunan dan Kemajuan Inklusiv Malaysia Universiti Kebangsaan Malaysia (Minda-UKM), Profesor Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali berkata, cadangan sepetimana telah dibuat oleh Majlis Amanah Rakyat (Mara) itu wajar diperhalusi memandangkan antara isu yang masih kekal sehingga kini dalam konteks penyertaan adalah kualiti.

Malah menurutnya, ia berkaitan sama ada kerajaan mampu atau tidak untuk menghasilkan bumiputera berkemahiran tinggi dan menepati ekonomi serta teknologi semasa.

"Jika kita lihat sejak permulaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), kerajaan menumpukan soal pendidikan dan kemahiran dengan menyediakan pelbagai program latihan, profesional serta lain-lain.

"Apabila bercakap soal dunia digital, persoalan yang perlu ditanya adalah adakah masyarakat bumiputera kini bersedia untuk berfungsi dalam ekonomi sedemikian?

"Penyertaan mungkin boleh berlaku sekiranya mereka mem-

punya ilmu dan kemahiran baik, namun jika tidak selesai soal pernyataan yang berkualiti ini, lupa-kannya sahaja perkara lain kerana ia teras utama," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media khas 'Memperkasa Ekonomi Bumiputera: Apa Yang Diharapkan?' di Bilik Mesyuarat Minda di sini pada Rabu.

Noor Azlan turut menambah, isu seterusnya adalah pemilikan yang berhubung kait dengan keusahawanan apabila seseorang mampu membangunkan perniagaan sendiri, terlibat dalam pelbagai sektor dan kemudiannya memberikan manfaat kepada bumiputera lain.

"Sebagai contoh, apabila seorang doktor bekerja dengan orang lain atau buka klinik sendiri, dia bukan sahaja doktor malah pemilik yang perlu fikirkan operasi perniagaan, peralatan, ubat-ubatan bahkan pekerja.

"Maksudnya di peringkat kedua ini adalah untuk meningkatkan daya keusahawanan bernilai tinggi, ramai sudah terlibat tetapi mungkin banyak dalam industri peruncitan makanan.

"Akhir sekali, penggunaan atau domination apabila bumiputera ada kekuatan strategik iaitu bukan sekadar memiliki perniagaan, tetapi mampu menguasai sektor ekonomi dengan lebih meluas," ujar beliau.

Dalam pada itu, pakar ekonomi terbabit berharap empat perkara akan diberikan penekanan selepas Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) nanti iaitu mengukuhkan agenda kebangsaan menerusi Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) supaya dipantau rapi dan tidak diadakan



“
Apabila bercakap soal dunia digital, persoalan yang perlu ditanya adakah masyarakat bumiputera kini bersedia untuk berfungsi dalam ekonomi sedemikian?

- Noor Azlan

secara bermusim.

"Selain itu saya harap ada satu pelan induk pembangunan bumiputera yang dipegang semua pihak selain mewujudkan sekretariat tetap pemerkasaan ekonomi bumiputera.

"Pembangunan pusat kajian data bumiputera juga perlu kerana kita tiada maklumat terperinci mengenainya," jelas beliau lagi.

Sementara itu, KEB 2024 merupakan satu agenda nasional yang disifatkan sebagai berperlembagaan.

Noor Azlan berkata, ia bukan sahaja membantu golongan bumiputera bahkan pada masa sama menyokong bukan bumiputera dalam konteks memperkasaan pembangunan ekonomi negara.